

16 OCT 2002
MOU-INDIA/I
PERTUBUHAN PERDAGANGAN INDIA & MALAYSIA METERAI MOU

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 16 Okt (Bernama) -- Perjanjian persefahaman (MoU) bertujuan mempromosikan perdagangan, pelaburan dan usaha sama yang ditandatangani oleh Persekutuan Pertubuhan Eksport India (FIEO) dan Dewan Perdagangan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor telah menyediakan permulaan yang baik kepada lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke India, mulai hari ini.

MoU berkenaan yang ditandatangani beberapa jam sebelum ketibaan Dr Mahathir di Hyderabad bagi memulakan lawatan beliau ke India, meninjau, antaranya, mengukuhkan persefahaman bersama dan memperkenalkan peluang-peluang kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Ia turut meninjau rakan niaga untuk pelaburan dan perdagangan, usahasama dan menyediakan kedua-dua buah negara dengan perkhidmatan perundingan, termasuklah nasihat perundangan, pertukaran lawatan pelaburan dan misi dangangan dan penganjuran pameran perdagangan, simposium, seminar dan bengkel teknikal.

Ia juga bertujuan mempromosikan perkembangan ekonomi, perdagangan dan kerjasama teknologi antara perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di kedua-dua buah negara.

MoU itu ditandatangani oleh P.D. Patodia, Presiden FIEO dan Ramesh Kodammal, Naib Presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor dengan dihadiri bersama Tan Sri Ajit Singh, bekas presiden Dewan Perdagangan dan Perindustrian Asean.

Bercakap pada majlis itu, Ajit berkata penekanan utama MoU ialah untuk mengumpul bersama perusahaan kecil dan sederhana, yang mempunyai peranan penting dalam mempercepatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi kedua-dua buah negara.

Kerjasama itu, menurut beliau akan menghala kepada bidang-bidang yang luas seperti infrastruktur, bioteknologi, teknologi maklumat dan farmasi.

Ajit berkata tujuan Sidang Kemuncak Perniagaan Indo-ASEAN ialah untuk menghimpunkan ahli-ahli perniagaan India dan Malaysia.

Tambah beliau, MoU itu telah memberikannya satu permulaan yang baik.

Beliau, bagaimanapun berkata MoU berkenaan hanyalah merupakan langkah pertama. Kejayaannya banyak bergantung kepada bagaimana ia dilaksanakan dan beliau berharap kedua-dua pihak akan membawa kerjasama ini sehingga ke peringkat tertinggi.

Kodammal kemudiannya merayu supaya rakan niaga India membawa industri kecil dan sederhana mereka ke Malaysia.

"IKS berkembang di seluruh dunia dan kita boleh bekerjasama," kata beliau.

Ketika memberikan butiran mengenai MoU itu, Patodia berkata MoU itu komited dalam menyediakan kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara.

Majlis menandatangani MoU itu kemudiannya disusuli dengan pertemuan satu-sama-satu antara ahli perniagaan India dan Malaysia. -- BERNAMA

MP SHY AA